



UPM Menang Anugerah Inovasi



Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin (tengah) menyampaikan anugerah kepada Pendaftar UPM, Wan Azman Wan Omar (kiri).

PUTRAJAYA, 24 Nov – Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memenangi Anugerah Inovasi Menteri Pengajian Tinggi bagi Kategori Pengurusan Am sempena Hari Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2009.

Pejabat Pendaftar UPM mempertandingkan projek Sistem Pelaporan Integrasi (SPIN) yang merupakan tindakan penyelesaian bagi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) pejabatnya.

Projek itu juga pernah memenangi Anugerah Emas Tiga Bintang dan 10 Kumpulan Terbaik Sektor Awam pada Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan 2009, Anugerah Emas di Konvensyen KIK Wilayah Selatan, Anugerah Emas di Mini Konvensyen KIK Wilayah Selatan dan Johan Kategori Pengurusan di Konvensyen KIK Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2009.

Laporan inovasi itu telah disediakan oleh peserta KIK yang terdiri daripada Aziah Noh, Rozi Tamin, Sharifah Harzatul Shima Syed Hardan, Norhezzulsham Mohd. Nodin, Mahmudah Anudin, Galinda Kamaruzzaman dan Mohd. Fahmi Amin.

Pertandingan inovasi tersebut yang disertai oleh pelbagai Institusi/Agensi/Bahagian di bawah KPT adalah untuk menggalakkan penciptaan inovasi baru dan memberi penghargaan kepada mereka yang terlibat.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin kepada Pendaftar UPM, Wan Azman Wan Omar.



Barisan Pendaftar UPM.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia